

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI RABU : 4 DISEMBER 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 42 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT  
GANTANG] minta MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**  
menyatakan perancangan yang telah dibuat untuk mewujudkan institusi  
pengajian tinggi MARA di kawasan Parlimen Bukit Gantang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

untuk makluman sehingga kini di negeri Perak sahaja terdapat 30 institusi pengajian tinggi MARA seperti butiran tersebut;

JENIS PUSAT PENGAJIAN TINGGI	PUSAT	BILANGAN	KAPASITI
Pendidikan Profesional	Kolej Profesional MARA (KPM), Seri Iskandar	1	1,095
	Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), Ipoh	1	1,500
Pendidikan Teknikal Dan Vokasional	GIATMARA	24	720
	Institut Kemahiran MARA, Lumut	1	1,348
	Kolej Kemahiran Teknikal MARA, Lenggong	1	1,000
	Universiti Kuala Lumpur, <ul style="list-style-type: none"> <li>- Marine Engineering Technology (UniKL-MIMET)</li> <li>- Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP)</li> </ul>	2	5,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30 pusat</b>	<b>10,663 pelajar</b>

Institusi-institusi Pendidikan MARA ini menawarkan pengajian dari peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana sehinggalah peringkat tertinggi seperti Sarjana/PhD serta Sijil Profesional/Sijil Kompetensi.

Untuk makluman tuan *Speaker*, pada tahun 2025, dibawah **Rolling Plan ke-5 (RP5)** bagi Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe12), MARA telah diberi kelulusan bagi perancangan pembinaan 2 institusi Pendidikan Tinggi MARA. Butiran adalah seperti berikut;

<b>PROJEK</b>	<b>KAPASITI PUSAT</b>
<b>PEROLEHAN TANAH BAGI PENUBUHAN MALAYSIA-CHINA INSTITUTE (MCI) DI BAGAN DATUK, PERAK</b>	<b>&gt;2,000 PELAJAR</b>
<b>PEMBINAAN KOLEJ MARA GERIK, PERAK</b>	<b>450 PELAJAR</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>&gt;2,450 PELAJAR</b>

Tumpuan utama buat masa ini adalah kepada isu-isu berkaitan penambahbaikan infrastruktur/kemudahan fasiliti di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) di seluruh negara termasuk Institusi Pendidikan Tinggi MARA dan keutamaan diberikan kepada institusi yang berusia melebihi 15 tahun ke atas.

Selain itu, penambahbaikan dalam kemudahan pembelajaran dan pengajaran juga menjadi fokus utama yang perlu disediakan kepada Institusi Pendidikan Tinggi MARA di seluruh negara bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PDP).

Oleh itu, buat masa ini MARA tiada lagi perancangan baru untuk mewujudkan institusi pengajian tinggi di kawasan Parlimen Bukit Gantang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapa jumlah menara telekomunikasi yang telah dan akan didirikan di Lawas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2024, inisiatif yang telah dijalankan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Parlimen Lawas adalah termasuk pembinaan sebanyak 10 menara komunikasi baharu yang telah siap dibina dan beroperasi daripada 16 yang dirancang. Sebanyak 85 stesen pemancar juga telah turut siap dinaik taraf daripada 86 yang telah dirancang dan sebanyak 2,599 premis daripada 3,086 yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik. Kesemua inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025.

Selain inisiatif Pelan JENDELA, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Multimedia Authority (SMA) dan Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC) juga sedang melaksanakan inisiatif pembinaan 600 buah menara baharu (SMART 600) bagi menambah baik liputan internet di Sarawak. Kerajaan Persekutuan dan syarikat penyedia perkhidmatan mudah alih telah bersetuju berkongsi kos pembiayaan bagi operasi menara di bawah inisiatif tersebut untuk tempoh tiga tahun.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) SMART 600 *Multi Operator Core Network* (MOCN) antara SDEC dan Pengendali Rangkaian Mudah Alih (*Mobile Network Operators* (MNOs)) telah termeterai pada 24 Mei 2024. Sehingga 30 September 2024, sebanyak dua buah menara baharu telah siap beroperasi dan 10 buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah inisiatif SMART 600 di Parlimen Lawas.

MCMC sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei serta Sarawak Multimedia Authority (SMA) dalam pelbagai sesi mesyuarat, bengkel juga lawatan tapak sebagai salah satu kaedah fasilitasi untuk menyelesaikan isu dan cabaran di lapangan bagi memastikan keseluruhan inisiatif berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU  
PANJANG] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN  
MAKANAN menyatakan :**

- (a) status terkini projek pengairan di kawasan pertanian di seluruh Kelantan; dan
- (b) usaha Kementerian meningkatkan pendapatan para petani terutama yang terkesan akibat banjir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 30 September 2024 terdapat 17 buah projek menaik taraf pengairan yang sedang dilaksanakan di negeri Kelantan. Lapan (8) projek di peringkat pelaksanaan, lima (5) projek di peringkat pasca pelaksanaan manakala baki empat (4) projek masih di peringkat pra pelaksanaan.
- (b) Kerajaan sentiasa prihatin dengan kejadian banjir yang kerap berlaku setiap tahun di Malaysia akibat perubahan monsun sehingga boleh menjejaskan kawasan pertanian serta sumber pendapatan para pesawah dan petani terutama negeri-negeri pantai timur Semenanjung iaitu Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur serta Negeri Sarawak dan Sabah di Malaysia Timur.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menyediakan bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) secara bayaran tunai manakala Tabung Bencana Pertanian (TBP) untuk tanaman selain padi diberikan bantuan secara *in-kind* (input pertanian) pada kadar dan had tertentu bagi mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh pesawah dan petani akibat bencana alam termasuk banjir. Bantuan ini membolehkan pesawah dan petani mengusahakan semula tanaman yang telah rosak akibat bencana.

Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai pendekatan dalam mengurangkan risiko kehilangan hasil dan meningkatkan pendapatan para petani terutama yang terkesan akibat banjir. Antara usaha yang dijalankan adalah seperti berikut:

## NO SOALAN : 14

- (i) **Pertama:** Memperhebatkan aktiviti pengembangan pertanian dalam menggalakkan petani untuk menanam tanaman yang lebih sesuai secara penggiliran tanaman semasa tempoh monsun timur laut seperti keledak, ubi kayu, kangkung yang mempunyai ketahanan yang tinggi terhadap keadaan basah dan lembap bagi memanfaatkan hujan dan mengurangkan risiko kerugian.
- (ii) **Kedua:** Memperkenalkan pertanian secara bersepadu dengan menggabungkan tanaman dengan ternakan atau akuakultur bagi membolehkan pengusaha memperoleh hasil dari pelbagai sumber.
- (iii) **Ketiga:** Menggunakan teknologi moden seperti pemantauan cuaca, suhu dan kelembapan yang dapat membantu pengusaha tanaman membuat keputusan dan mengambil tindakan segera bagi mengurangkan risiko dan impak bencana.
- (iv) **Keempat:** Menggunakan kaedah pertanian yang bersesuaian di kawasan berisiko banjir seperti pertanian menegak (*vertical farming*) atau fertigasi gantung; dan
- (v) **Kelima:** Membangunkan produk-produk sampingan daripada hasil tanaman yang telah rosak seperti penghasilan baja organik atau produk hiliran bagi hasil tanaman yang terpaksa dituai lebih awal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024 TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara yang melaksanakan kempen '*Car Free Day*' dan keberkesanan kempen ini sejak ini mula dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat menyokong usaha bagi meningkatkan kemampunan alam sekitar, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk kesejahteraan negara dan rakyat. KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah membangunkan **Garis Panduan Pelaksanaan Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki (*Healthy Walkable City*)** pada tahun **2017** yang bertujuan untuk menggalakkan amalan hidup sihat dalam kalangan penduduk bandar dengan menyediakan kemudahan bagi aktiviti berjalan kaki dan berbasikal sebagai aktiviti harian.

Dalam menterjemahkan Garis Panduan tersebut, **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** melaksanakan **Kempen ‘Car Free Day’** yang merujuk kepada **Hari Tanpa Kenderaan** yang diadakan **di lokasi yang bersesuaian** di samping program seperti *fun run*, *walk run*, aktiviti berbasikal dan senaman zumba. Program tersebut **kebiasannya dilaksanakan pada hari minggu** sebagai **usaha mempromosikan inisiatif pengangkutan rendah karbon dan mencapai sasaran penurunan karbon terutama di kawasan bandar.**

Selain itu, KPKT juga telah mengeluarkan satu **Garis Panduan Perancangan Laluan Kenderaan Mikromobiliti** pada tahun **2023** sebagai inisiatif menggalakkan **penggunaan alat bantu mobiliti mesra alam** seperti basikal elektrik (*e-bike*), skuter elektrik (*e-scooter*), unisikal elektrik, papan selaju elektrik dan sebagainya.

Bagi merealisasikan hasrat pengurusan bandar yang lebih berdaya huni dan mampan, **KPKT melalui PBT telah merangka strategi dan pelan tindakan di peringkat pentadbiran masing-masing.** Sehingga kini, **trend penumpuan program oleh PBT** dilihat lebih banyak di **kawasan bandar dan tempat kunjungan orang ramai** seperti di kawasan **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya**

**Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.** Perincian PBT yang telah melaksanakan kempen 'car free day' adalah seperti berikut:

NEGERI	PBT	KEKERAPAN KEMPEN		
		2022	2023	2024
JOHOR	MP Pontian	-	1	-
KEDAH	MB Alor Setar	-	-	1
MELAKA	<b>MB Melaka Bersejarah</b>	-	<b>20</b>	<b>39</b>
PAHANG	MD Maran	-	-	1
	MP Bentong	-	-	3
	MB Kuantan	-	-	10
PERAK	MD Batu Gajah	6	9	2
	MD Tanjong Malim	2	4	4
	MP Kuala Kangsar	1	2	-
	MP Manjung	4	3	3
PULAU PINANG	<b>MB Pulau Pinang</b>	-	<b>10</b>	<b>26</b>
	MB Seberang Perai	-	8	9
SELANGOR	MD Sabak Bernam	-	-	1
	MP Kuala Selangor	-	-	2
	MP Sepang	1	5	4
	MP Hulu Selangor	2	2	2
	<b>MB Petaling Jaya</b>	<b>3</b>	<b>29</b>	<b>80</b>
	MB Shah Alam	11	10	11
	MP Selayang	-	1	-
	MP Kajang	1	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>31</b>	<b>105</b>	<b>199</b>

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- a) apakah inisiatif Kementerian dalam mencipta jenis kerja baru yang bersesuaian dengan kecenderungan belia dewasa ini; dan
- b) apakah sudah ada pelan induk sinergi bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi memastikan belia mampu menampung keperluan tenaga kerja dan memperolehi pendapatan yang setimpal

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan input daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) Bagi tempoh separuh pertama tahun 2024 pula, Malaysia telah mencatatkan pelaburan yang diluluskan bernilai RM160 bilion bagi sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama, yang mana, jumlah tersebut adalah 18% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Pelaburan dalam tempoh ini melibatkan 2,948 projek dan dijangka akan menjana sebanyak 79,187 peluang pekerjaan.

Prestasi pelaburan ini adalah hasil kesungguhan dan usaha berterusan Kerajaan MADANI dalam menarik pelaburan berkualiti ke dalam negara. Pelaburan-pelaburan ini seterusnya akan menjana peluang pekerjaan berkualiti tinggi kepada rakyat.

MITI dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) terus proaktif melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi memudahcara syarikat dalam urusan menggaji dan melatih bakat. Antara inisiatif strategik yang telah dilaksanakan termasuklah:

- (i) Special Taskforce-Talent Facilitation (STF-TF), iaitu platform yang melibatkan tujuh belas (17) Kementerian, Agensi dan Universiti yang bertujuan mengenal pasti keperluan bakat oleh pihak industri;
- (ii) Pameran dan ceramah kerjaya;
- (iii) Sesi libat urus antara institusi pengajian tinggi dan pihak industri;
- (iv) Program jangkauan bakat, iaitu kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menggalakkan pelajar warganegara Malaysia di luar negara untuk memenuhi peluang pekerjaan yang terdapat di Malaysia kelak;
- (v) Fasilitasi bakat secara 'one-on-one' kepada syarikat; dan
- (vi) Pembangunan bakat masa hadapan melalui penglibatan MIDA di dalam pelbagai program Kementerian dan Agensi. Sebagai contoh program *Electrical and Electronics Productivity Nexus*

(EEPN) merupakan inisiatif untuk pembangunan bakat Software Engineering bagi industri elektrik dan elektronik.

Tuan Yang di-Pertua,

**Pelan Pemerksaan Sosioekonomi Belia 2030** adalah inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama KBS dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menangani isu keciciran belia dan golongan rentan serta jurang ketidakpadanan antara kemahiran belia dan keperluan industri sebagai salah satu usaha strategik untuk memperkasakan belia dalam aspek ekonomi dan sosial menjelang tahun 2030. Pelan ini diselaraskan dengan agenda pembangunan nasional melalui **Rancangan Malaysia Ke-12** yang mengandungi keperluan sebuah pelan kebangsaan mengenai pemerksaan ekonomi belia diperkenalkan untuk hala tuju strategik dalam meningkatkan kebolehpasaran belia.

Pelan ini mempunyai tiga (3) matlamat, 10 Strategik dan 24 Inisiatif dengan melibatkan 12 Kementerian dan Agensi sebagai Peneraju digerakkan dengan kerjasama 76 Rakan Kolaborasi yang terdiri daripada Kementerian dan Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Kewangan, Institusi pendidikan dan penyelidikan.

Pelan Pemerksaan Sosioekonomi Belia 2030 telah diluncurkan pada 5 November 2024 yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Parlimen Malaysia. Tempoh pelaksanaan pelan tersebut bermula pada tahun 2025 sehingga tahun 2030 iaitu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Sepanjang tempoh 6 tahun ini, penilaian dan pemantauan secara berkala akan dilaksanakan melalui seperti perbincangan bersama komuniti belia di peringkat daerah, perbincangan pemegang taruh pembangunan belia di peringkat Kerajaan Negeri dan perbincangan pemegang taruh pembangunan belia di peringkat nasional.

Secara Keseluruhannya, menjelang tahun 2030, pelaksanaan inisiatif dan strategi dalam Pelan Pemerksaan Sosioekonomi Belia 2030 dijangka dapat memenuhi keberhasilan (*outcome*) melalui sasaran terpilih berikut:

**NO SOALAN : 16**

- (a) pengurangan kadar pengangguran belia kepada 6.5%;
- (b) pengurangan peratusan belia dalam kategori *Not in Employment, Education and Training* (NEET) kepada 8.9%;
- (c) penurunan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran belia kepada 50.1%;
- (d) peningkatan purata gaji dan upah belia kepada RM3,152.00;
- (e) peningkatan skor indikator literasi kewangan belia kepada 77.91;
- (f) peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh belia kepada 66%;
- (g) peningkatan kadar penyertaan belia wanita dalam tenaga buruh kepada 59.4%;
- (h) peningkatan bilangan pencarum skim perlindungan sosial belia kepada 4.82 juta; dan
- (i) pewujudan sebuah pangkalan data ekonomi hijau belia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[TUARAN]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah tindakan terkini terhadap Jambatan Sungai Damit, Tuaran yang telah diisytiharkan tidak selamat dan bilakah pembinaan semula jambatan ini akan dilaksanakan, serta berapa jumlah dana yang diperuntukkan untuk membina jambatan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek SDC - Pembinaan Jambatan Pekan Tuaran - Sungai Damit, Jalan Pekan, Tuaran Tamparuli merupakan projek yang diluluskan Kerajaan Persekutuan pada 24 Mac 2017 di bawah *Rolling Plan* Kedua (RP2), RMKe-11 dengan peruntukan sebanyak RM18 juta. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah dan diselia oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) di bawah Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu, sebelum dipindahkan ke Kementerian Ekonomi selaku Kementerian Pengawal baharu.
2. Berhubung halatuju dan tindakan susulan berkaitan projek ini, Jawatankuasa Task Force Damit Bil. 3/2023 pada 11 Februari 2023 di bawah Jabatan Perdana Menteri telah bersetuju dengan syor pembinaan jambatan baharu berdasarkan justifikasi *value for money*, ketahanan (*durability*) serta keselamatan pengguna. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pelbagai masalah semasa pembinaan jambatan ini, kontrak bagi projek ini telah ditamatkan pada 12 Disember 2023 berdasarkan pengesyoran secara penamatan biasa (*Unilateral Termination*) oleh Pegawai Penguasa Projek iaitu Pengarah Kerja Raya Sabah setelah memastikan syor mengikut ketetapan kontrak serta mengambil kira pandangan daripada Peguam Negeri Sabah.
3. Kerajaan sedia maklum dan prihatin akan keperluan jambatan ini bagi penduduk setempat dan telah meluluskan kerja awalan yang merangkumi pembinaan jambatan gantung sementara bagi laluan alternatif orang awam dan pelantikan perunding bagi merekabentuk semula jambatan Sg. Damit untuk dilaksanakan segera bermula Oktober 2024. Manakala, projek pembinaan semula jambatan Pekan Tuaran, Sg. Damit termasuk kerja-kerja perobohan jambatan sedia ada telah disenaraikan dalam RP5 RMKe-12 (2025) dengan kos sebanyak RM30 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian telah memperhalusi mekanisme penyaluran bantuan kepada petani kecil termasuk insentif bajak mengambil kira musim menuai padi yang menjelang dan sejauh manakah sesi libat urus telah diadakan bersama pihak berkepentingan seperti MADA, IADA dan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan sesi libat urus pada 22 Ogos 2024 bersama pelbagai pihak berkepentingan dalam industri padi dan beras negara dari seluruh negara melibatkan pihak LPP, MADA, KADA dan wakil IADA selaku agensi pelaksana di bawah KPKM serta pihak Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH). Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk mendapatkan solusi terbaik untuk semua pihak terutamanya pesawah dan penyedia perkhidmatan yang terkesan susulan daripada penyasaran semula subsidi diesel oleh pihak Kerajaan.

Melalui sesi libat urus ini, dua langkah intervensi telah dicapai melalui persetujuan bersama oleh kesemua pihak yang terlibat bagi mengurangkan kesan kenaikan harga diesel, iaitu:

- (i) **Cadangan harga siling kos upah terkini** berkuat kuasa pada 23 Ogos 2024 (Jumaat) yang telah mengambil kira harga diesel semasa dan berdasarkan persetujuan kesemua wakil pesawah dan penyedia perkhidmatan; dan
- (ii) Cadangan pelaksanaan **pendaftaran jentera pembajakan dan penuaian di lapangan** bagi kajian dan penelitian program bantuan bersasar yang lebih bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan unjuran pembuangan sisa bagi 10 tahun ke hadapan dan apakah langkah-langkah dan cadangan yang diambil oleh Majlis Ekonomi Kitaran Nasional (NTEC) bagi menangani isu kapasiti tapak pelupusan yang semakin terhad.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, visi ekonomi kitaran negara adalah untuk memacu transformasi daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran dengan memaksimumkan kecekapan sumber dan meminimumkan penjanaan sisa, selaras dengan aspirasi untuk memastikan kemampunan alam sekitar di bawah kerangka Malaysia MADANI. Pada masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang aktif melaksanakan inisiatif yang dapat menyokong pemanjangan jangka hayat produk pasca pengguna, sekali gus mengurangkan pemindahan sisa pepejal ke tapak pelupusan.

Untuk makluman, **anggaran jumlah janaan sisa pepejal** pada tahun **2024** adalah sebanyak **15.20 juta tan metrik setahun** berbanding **12.63 juta tan metrik setahun pada tahun 2012**. Janaan sisa ini diunjurkan **meningkat sebanyak 0.9% sehingga 1.2% setahun** yang mana **15.38 juta tan metrik dianggar pada tahun 2025** dan **17.03 juta tan metrik dianggar pada tahun 2035**. Antara **faktor-faktor** utama yang menyumbang kepada peningkatan janaan sisa saban tahun ialah **pertambahan populasi, kepesatan urbanisasi dan industrialisasi, peningkatan taraf ekonomi** serta **perubahan gaya hidup** rakyat.

Dalam menangani isu penjanaan sisa yang semakin meningkat dan keupayaan kapasiti tapak pelupusan yang terhad pada masa kini, Kerajaan melalui Majlis Ekonomi Kitaran Nasional bagi Sisa Pepejal (*National Circular Economy Council* - NCEC) berusaha **memantau dan menyelaraskan perihal dasar dan pelaksanaan ekonomi kitaran bagi sisa pepejal** selari dengan sasaran RMKe-12. Inisiatif-inisiatif berkenaan dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuk Agensi Kerajaan, swasta, persatuan mahu pun Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

**Mesyuarat NCEC Bilangan 1 Tahun 2024** yang diadakan buat julung kali pada **30 April 2024** telah **bersetuju** dengan keputusan-keputusan seperti berikut:

- i. **penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Ekonomi Kitaran**

## NO SOALAN : 19

yang melibatkan semakan semula beberapa perundangan utama sedia ada berkaitan sisa pepejal dan kajian menyeluruh terhadap penggubalan RUU Ekonomi Kitaran;

- ii. **penetapan hala tuju sasaran kadar kitar semula** untuk tahun bermula 2026 sehingga tahun 2030;
- iii. **mewajibkan pengilang untuk mengemukakan data kitar semula** sebagai salah satu syarat pelesenan kepada pemegang lesen premis kitar semula yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- iv. **pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan penggunaan *Material Flow Analysis (MFA)*** sebagai kaedah pengiraan kadar kitar semula di Malaysia.

Selain itu, **NCEC** juga berperanan untuk **memantau pelaksanaan *Blueprint* Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal di Malaysia (2025 – 2035)** yang dilancarkan pada 6 Ogos 2024 dan memfokuskan kepada usaha:

- i. **mewujudkan pasaran baharu bagi sisa kitar semula** melalui penambahbaikan garis panduan sedia ada;
- ii. **memanjangkan jangka hayat produk** melalui pembangunan garis panduan reka bentuk produk;
- iii. **meningkatkan pembangunan kemudahan pemerolehan bahan (*material recovery facility - MRF*)** untuk meningkatkan kecekapan pengasingan dan pemerolehan sisa dan kemudahan pengurusan sisa pepejal besepadu (*integrated waste management facility – IWMF*) seperti insinerator *waste to energy* (WtE) bagi merawat sisa yang tidak boleh dikitar semula; dan
- iv. **melaksanakan peluasan tanggungjawab pengeluar (*extended producer responsibility – EPR*)** supaya pengeluar bertanggungjawab untuk melaksanakan pemerolehan dan kitar semula dalam menguruskan produk pasca pengguna.

Mesyuarat NCEC tersebut juga sepakat untuk terus komited dalam meneraju agenda transformasi kepada ekonomi kitaran bagi melonjakkan kemajuan industri berasaskan sisa pepejal sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI  
[PADANG BESAR]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kementerian bagi meningkatkan penyertaan golongan Bumiputera dalam tenaga kerja ekoran Laporan Kaji Selidik Tenaga Buruh Malaysia 2022 yang mendapati kadar pengangguran Bumiputera mencakupi kira-kira 387,800 atau 61.5% daripada keseluruhan penganggur dengan sebahagian besarnya belia antara 15 hingga 30 tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran nasional pada tahun 2023 menurun kepada 3.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun 2022.

Dikalangan Bumiputera pula, bilangan penganggur mencatatkan penurunan daripada 391.9 ribu pada tahun 2022 kepada 354.9 ribu pada tahun 2023. Sementara itu, kadar belia Bumiputera juga mencatatkan penurunan daripada 4.1% pada tahun 2022 kepada 3.6% pada tahun 2023. Kadar pengangguran pada umur belia lebih tinggi berbanding tahap umur yang lain kerana pada peringkat umur ini mereka berada dalam fasa peralihan daripada bidang pengajian kepada bidang pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi meningkatkan penyertaan semua golongan pekerja termasuk Bumiputera dan belia dalam tenaga kerja, seterusnya mempertingkatkan peluang-peluang pekerjaan serta membantu mengurangkan kadar pengangguran secara keseluruhannya. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. KESUMA melalui PERKESO mempergiatkan beberapa program bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja termasuk bumiputera melalui:
  - Penyediaan **platform portal MYFutureJobs** dalam usaha menambah baik pepadanan antara bidang kelulusan dengan jenis pekerjaan yang ditawarkan;
  - Membangunkan **Sistem 'Carrier Bridge Tool'** yang merupakan sistem berteraskan kaedah dalam talian yang membantu menghubungkan graduan dengan pekerjaan yang sepadan mengikut kelayakan mereka menerusi platform portal MYFutureJobs; dan
  - Membangunkan **Sistem 'Wage Guide'** yang berperanan untuk membantu graduan TVET mengenal pasti dan

mengukur potensi sekali gus membuat keputusan tepat dalam pilihan kerjaya mereka.

- ii. KESUMA telah menandatangani **Memorandum Kerjasama (MOC) dengan pelbagai industri**. Bagi tahun 2024, sebanyak 66 MoC telah dimetrai mencakupi pelbagai bidang dan industri seperti minyak dan gas, elektrik dan elektronik, automotif, hospitaliti, pembinaan, perladangan, perabot dan telekomunikasi.
- iii. KESUMA menerusi agensi di bawahnya seperti Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDCorp) aktif dalam menawar dan menyediakan **pelbagai program *reskilling* dan *upskilling* berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** dan pelbagai disiplin cabang pekerjaan. Agensi-agensi ini menawarkan program latihan kemahiran meliputi aspek teori dan praktikal mencakupi pelbagai bidang yang bersesuaian dengan permintaan industri semasa.
- iv. Kursus-kursus jangka pendek dan program perantisan turut ditawarkan oleh pelbagai agensi di bawah KESUMA seperti di **32 buah Institut Latihan JTM dan CIAST** serta **program Sistem Latihan Dual Nasional** yang dilaksanakan di bawah JPK. Kursus dan program ini ditawarkan kepada para peserta yang berminat untuk mendalami kemahiran bersesuaian dengan minat dan latar belakang mereka. Menerusi inisiatif ini, belia berpeluang mendalami kemahiran berkaitan pekerjaan mereka atau kemahiran baharu sebagai persiapan mencari pekerjaan lain.
- v. KESUMA melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan HRDCorp juga melaksanakan **Insentif Latihan Amali (ILHAM) KESUMA** bagi membantu bakat baharu dan merencanakan sektor pekerjaan negara yang merangkumi empat komponen utama iaitu:
  - **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP);**
  - **Geran Padanan Latihan Industri untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (LiKES);**

- **Skim Latihan Industri (ITS)** yang direka untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar atau pelatih yang menjalani latihan di organisasi perniagaan pilihan mereka; dan
- **Platform MyNext.**

vi. Selain itu, KESUMA menerusi TalentCorp memberi fokus terhadap **pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara** melalui melalui sinergi dan kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/ swasta serta teknikal. Antara inisiatif tersebut ialah:

- **Program Pecutan Bakat Berpandukan Industri (ID-TAP)**
- **Young Employable Student (YES): We Are Ready!**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
[BERA]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menyekat penghijrahan penduduk luar bandar dengan mewujudkan situasi *reverse migration* disebabkan penduduk di kawasan kampung semakin berkurangan kerana penghijrahan ke bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sentiasa memberi perhatian dan usaha berterusan dalam menyediakan prasarana asas, pendidikan, latihan dan peluang pekerjaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

KKDW menerusi **Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB 2030)** dan **Pelan Strategik KKDW 2021-2025** telah menjajarkan Fokus Strategik berkaitan dalam memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada infrastruktur asas dan kemudahan sosial yang setanding dengan kawasan bandar, struktur ekonomi yang kukuh, mempunyai peluang yang luas untuk membina keupayaan modal insan dan menerima perkhidmatan dalam tadbir urus yang mudah sebagaimana masyarakat di bandar.

**Bagi golongan belia**, usaha pengukuhan dan pemantapan pelaksanaan program-program **Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET)** di bawah Agensi KKDW telah menjadi tumpuan Kementerian supaya bidang TVET ini menjadi pilihan utama pendidikan yang dapat menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk anak muda. Untuk makluman, terdapat 279 institusi Pendidikan TVET@KKDW di seluruh negara di mana ianya menawarkan sebanyak 529 program pendidikan TVET yang terdiri daripada 15 kluster bidang kemahiran. Usaha ini bertujuan bagi menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi disamping mewujudkan situasi *reverse migration* terhadap golongan yang paling ramai terlibat dalam penghijrahan penduduk luar bandar ini.

Di samping itu, Fokus Strategik KKDW turut melibatkan kepada pembangunan ekonomi berimpak tinggi **berasaskan komuniti atau secara berkelompok dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar**. Antaranya melalui pelaksanaan **Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK)** yang melibatkan lima (5) atau lebih perkampungan sedia ada bagi

membangunkan *niche product* dan mewujudkan *economy of scale*; dan **Program Desa Lestari** di mana bantuan geran diberikan kepada sesebuah kampung untuk mewujudkan komuniti desa yang berpendapatan tinggi melalui platform Koperasi Komuniti. Beberapa contoh projek yang dilihat memberi impak baik serta limpahan manfaat kepada pembangunan kawasan serta masyarakat setempat ialah seperti projek pelancongan di Kampung Batu Puteh, Kinabatangan, Sabah; Kampung Labuh Banting, Permatang Pauh, Pulau Pinang; Kampung Kilim dan Kampung Pulau Tuba, Langkawi, Kedah serta Kampung Tok Muda, Bentong Pahang yang menjalankan projek penghasilan produk halia. Pelaksanaan projek PDL ini turut **mewujudkan peluang pekerjaan** kepada golongan belia dan masyarakat kampung dengan sekurang-kurangnya lima (5) hingga 109 peluang pekerjaan baharu berjaya disediakan.

Kementerian turut berusaha **membangunkan ekonomi luar bandar melalui pelaksanaan program-program keusahawanan** yang merangkumi pemerksaan kemahiran sendiri, ilmu pengetahuan dan peluang dari aspek keusahawanan. Selain itu, penekanan terhadap **Program Pendigitalan Usahawan di bawah Program Desamall** turut diberikan bagi **membolehkan usahawan desa mendigitalkan kapasiti perniagaan mereka**. Kesemua program ini diharap dapat menarik minat masyarakat luar bandar di samping mengurangkan penghijarahan mereka ke bandar.

Pelaksanaan program-program kementerian ini dilihat memberi impak positif berdasarkan dapatan daripada Survei Migrasi Tahun 2022 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa tren aliran migrasi dalam negeri melibatkan luar bandar ke bandar semakin berkurang iaitu 3.0% pada tahun 2020 ke 2.4% pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan terkini Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) dan usaha Kementerian dalam memasukkan item penyakit termasuk ke dalam perlindungan skim ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) diperkenalkan bagi tujuan melindungi pesawah individu yang berdaftar di seluruh negara daripada bencana alam yang boleh menjejaskan pengeluaran padi. Dari segi pelaksanaan, STTP telah dilancarkan pada 14 September 2024 dan dilaksanakan kepada pesawah yang mula bertanam pada Oktober 2024.

Program STTP akan dilaksanakan secara berfasa melibatkan 540,123.45 hektar keluasan kawasan bertanam untuk tempoh dua (2) musim iaitu bermula pada Oktober 2024 hingga September 2025. Kadar perlindungan yang disediakan di bawah STTP adalah sehingga RM3,000 per hektar per musim. Skim ini akan memberi perlindungan kepada pesawah yang terlibat dengan bencana seperti banjir, kemarau, kebakaran semulajadi, kilat, petir, letupan, ribut, taufan, ribut angin, hujan batu, gempa bumi, letusan gunung berapi, tanah runtuh, tsunami, penyakit tanaman dan serangan makhluk perosak.

Pesawah yang terkesan dengan bencana perlu memaklumkan kepada agensi berkaitan atau yang diiktiraf oleh KPKM dengan menyertakan dokumen berkaitan dan mematuhi proses tuntutan dilaksanakan sepertimana yang ditetapkan dalam Manual Operasi Tuntutan Program STTP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN  
[RANAU]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan naik taraf jalan ke jalan berturap bagi jalan ke Kg Rumantai, Kg Miruru, Kg Mentapok dan Kg Mangkadait sangat diperlukan memandangkan keadaan jalan ini yang masih dalam keadaan daif dan teruk. Pelaksanaan menaik taraf jalan ini sangat diharapkan dimulakan pada tahun 2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek naik taraf jalan ke jalan berturap bagi jalan ke Kg Rumantai, Kg Miruru, Kg Mentapok dan Kg Mangkadait ini telah dipohon dengan nama Menaik Taraf Jalan Miruru Mangkadait, Ranau, Sabah dalam *Rolling Plan Kelima (RP5)*, RMKe-12 Tahun 2025. Skop projek ini adalah menaik taraf jalan sepanjang 14km dengan spesifikasi JKR R2 dan membina 2 buah jambatan.

Projek ini sedang dalam pertimbangan Kementerian Ekonomi untuk diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status naik taraf Hospital Kulim yang dijelaskan sebelum ini sebagai keutamaan KKM. Bagaimana pula statusnya di Kementerian Ekonomi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Ekonomi telah mengambil kira keutamaan Kementerian Kesihatan berhubung keperluan meningkatkan perkhidmatan kesihatan di daerah Kulim. Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Kulim, Kedah telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Kelima. Tempoh pembinaan dianggarkan selama lima tahun dan dijangka siap pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [JULAU]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pelan Kementerian untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di Julau dan memastikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan bagaimana Kementerian akan membantu usahawan kecil dan sederhana, terutamanya dalam sektor pertanian dan perusahaan kecil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar kemiskinan di luar bandar Sarawak kekal pada tahun 2019 dan 2022 iaitu pada kadar 14.6%. Kadar kemiskinan ini adalah lebih tinggi daripada kadar kemiskinan luar bandar nasional iaitu 12.0%. Sebanyak **17,761 Ketua Isi Rumah** miskin di luar bandar Sarawak yang berdaftar dalam Sistem E-Kasih sehingga 14 Ogos 2024. Sehubungan itu, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah melaksanakan pelbagai program ekonomi sama ada secara individu atau berkelompok bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat luar bandar.

Dalam usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di Julau dan membantu usahawan kecil dan sederhana, terutamanya dalam sektor pertanian dan perusahaan kecil, Jabatan Kemajuan Masyarakat Malaysia (KEMAS) Negeri Sarawak memperuntukan sebanyak **RM639,000.00** kepada **2,172 orang penerima manfaat** di Julau menerusi program-program berteraskan Pendidikan dan Latihan Kemahiran dalam enam (6) Bidang utama iaitu Jahitan, Masakan, Dandan Diri, Komputer, Seni Tangan dan Pendidikan Kesejahteraan Keluarga. Antara program-program tersebut ialah Kursus Kemahiran Quick Win, Kursus Kemahiran Jangka Pendek (KKJP), Wanita Inspirasiku (WINS), Program Sijil Kemahiran Malaysia Sepenuh Masa (SKM) dan Penilaian Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT), Sijil Kemahiran Modular KEMAS, Quick Win Kiosk (Qu Kis) dan Program Promosi Kemahiran KEMAS.

Selain itu, menerusi Program Keusahawanan dan Ekonomi, KEMAS juga menyediakan Pakej Latihan Keusahawanan & Coaching Mentoring, Business Incubator@e-READ, Persijilan (Home Base Food), Bantuan Gerai Lipat dan Program Pemasaran Digital melibatkan **1,416 orang usahawan** dengan peruntukan sebanyak **RM79,999.00**.

RISDA juga telah melaksanakan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan Pembangunan Usahawan supaya pekebun kecil getah memperoleh

## NO SOALAN : 25

pendapatan tambahan dengan menyediakan keperluan perniagaan melalui aktiviti ekonomi seperti bidang perkhidmatan, makanan, pembuatan dan pertanian untuk pembangunan produk atau perkhidmatan yang berdaya maju. Bagi tahun 2024, sejumlah **RM3.8 juta** telah diperuntukkan di Sarawak dengan sasaran **537 pekebun kecil** akan menerima manfaat dari program ini.

Seterusnya, KKDW juga turut menyediakan Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) yang merupakan bantuan pembiayaan berbentuk geran penuh sehingga **RM10 ribu** sebagai sokongan kepada usahawan luar bandar khususnya usahawan dalam kategori PIKO/NANO dengan hasil jualan kurang dari **RM200 ribu setahun** bagi tujuan mengukuh dan mengembangkan perniagaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID  
[PADANG TERAP]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menangani isu kelewatan penghantaran baja padi kepada pesawah sehingga menyebabkan tanaman padi mereka terjejas.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani kelewatan penghantaran baja, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah melancarkan Kempen Ke Arah '*Zero Late Delivery*' pada 23 Jun 2023. Kempen ini telah merekodkan peningkatan terhadap kecekapan pembekalan baja kepada tempoh secara purata 10 hari lebih awal dari tempoh pembekalan tamat. Mengambil kira keberkesanan kempen ini, pihak Kementerian akan memastikan agar kempen ini dapat diteruskan oleh pihak pembekal.

Bagi tempoh jangka panjang, pihak Kementerian juga mencadangkan agar pembekal baja yang dilantik untuk mewujudkan kilang tambahan terutamanya di Negeri Sabah dan Sarawak, atau mengadakan kerjasama dengan pengilang baja tempatan bagi meningkatkan kecekapan penghasilan baja dan mengurangkan tempoh penghantaran kepada pesawah. Selain daripada dapat mengelakkan isu kelewatan pembekalan baja kepada pesawah, usaha ini juga mampu mengelakkan bekalan baja terputus sekiranya kilang baja pembekal sedia ada terpaksa menghentikan operasi atas pelbagai faktor yang di luar kawalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah dasar Kementerian terhadap produk inovasi ciptaan tempatan, tampalan gigi amalgam yang tidak mempunyai merkuri bebas untuk pesakit sebagai solusi untuk isu di Konvensyen Minamata yang menyarankan pengurangan seterusnya melarang penggunaan amalgam yang mengandungi merkuri berbahaya kepada ibu dan kanak-kanak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia telah menandatangani sokongan terhadap Konvensyen Minamata Mengenai Merkuri pada 24 September 2014. Walau bagaimanapun, Malaysia masih belum meratifikasi perjanjian dan belum menjadi negara Parti. Oleh yang demikian, Malaysia tidak terikat kepada sebarang keputusan, syarat dan/ atau pindaan yang diputuskan oleh negara-negara Parti Konvensyen Minamata.

2. Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited dalam mengurangkan penggunaan amalgam pergigian, selari dengan Perenggan ke-3 Artikel 4 (*Mercury-added product*) dan Bahagian II, *Annex A* (Amalgam Pergigian) Konvensyen Minamata tersebut. Bahagian II bermaksud tumpuan diberikan untuk tujuan pengurangan (*phase-down*).

3. Selari dengan Konvensyen dan berdasarkan kepada *trend* pencapaian penggunaan amalgam pergigian di KKM yang semakin menurun sejak tahun 1997, KKM telah menggariskan peratusan *phase-down* sebanyak 5% penggunaan amalgam pergigian pada tahun 2024 di semua fasiliti pergigian KKM. Dengan penurunan yang semakin signifikan, penggunaan amalgam pergigian telah ditetapkan pada 2% pada tahun 2025. Namun begitu, tiada pemberhentian sepenuhnya (*phase-out*) ditetapkan. Pemantauan audit yang dilakukan terhadap klinik pergigian swasta oleh KKM pada tahun 2023 mendapati 1,391 daripada 1,582 atau 88% daripada jumlah klinik pergigian swasta sudah tidak lagi menggunakan amalgam pergigian.

4. Majlis Pergigian Malaysia (MPM) yang mengawal selia pengamalan pergigian di perkhidmatan awam dan swasta turut menyatakan sokongan terhadap pengurangan penggunaan tampalan amalgam pergigian secara *phase-down* seperti yang dinyatakan di dalam *3<sup>rd</sup> Edition of Position Statement on the Use of Dental Amalgam 2020*.

5. Pelaksanaan *phase-down* amalgam pergigian di fasiliti pergigian di agensi lain seperti di Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengajian Tinggi juga menggunakan dasar yang sama seperti di atas.

6. Berhubung produk inovasi pula, pada masa ini KKM tidak memperuntukkan sebarang dasar khusus untuk produk inovasi bahan tampalan amalgam pergigian yang tidak mempunyai “merkuri bebas” untuk pesakit. Secara umumnya bahan tampalan amalgam pergigian yang dimaksudkan masih menghasilkan sebatian aloi merkuri yang dipanggil sebatian *silver-mercury* dengan formula kimia Argentum Merkuri ( $\text{Ag}_2\text{-Hg}_3$ ) sama ada masih mempunyai “merkuri bebas” atau “tiada merkuri bebas”. Fokus perlu diberikan kepada “sebatian *silver-mercury*” berbanding “merkuri bebas” ini kerana sebatian ini masih lagi dikira *mercury-added product* di bawah Perenggan ke-3, Artikel 4, Konvensyen Minamata dan dianggap sebagai mengandungi merkuri.

7. Bagi mengurangkan penggunaan amalgam pergigian, KKM melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (a) mengeluarkan surat arahan kepada semua negeri untuk menghadkan penggunaan amalgam pergigian di fasiliti KKM terutamanya dalam kalangan golongan sasaran;
- (b) menghentikan penggunaan merkuri dalam bentuk pukal dan kini menghadkan penggunaan amalgam pergigian dalam bentuk berkapsul sahaja. Selain itu, perolehan amalgam pergigian secara pukal juga telah dihentikan, di mana amalgam pergigian telah dikeluarkan dari senarai produk *Approved Products Purchase List (APPL)* pada tahun 2020 sehingga kini;
- (c) menubuhkan Jawatankuasa *Phasing Down Amalgam Usage* di Fasiliti KKM yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara berkaitan inisiatif/ strategi bagi membantu

dalam usaha *phasing down amalgam usage* di fasiliti pergigian KKM;

- (d) Mesyuarat Bersama Pemegang Taruh – Inisiatif Penurunan Penggunaan Bahan Pergigian Mengandungi Merkuri yang diadakan setiap tahun bermula tahun 2023. Hasil perbincangan bersama semua pemegang taruh mendapati penggunaan bahan tampalan amalgam pergigian wajar dibuat secara *phase down* buat masa ini kerana belum ada bahan alternatif yang bersesuaian yang sifatnya menyamai atau melebihi bahan tampalan amalgam pergigian. Buat masa ini, masih terdapat keperluan untuk menggunakan bahan tampalan amalgam pergigian bagi kes-kes yang terpencil sahaja selagi penggunaannya masih tertakluk kepada *Position Statement* di atas. Mengambil kira penggunaan bahan tampalan amalgam pergigian telah berkurangan dan pembekal juga terhad (*demand and supply*); dan
- (e) menjalankan kajian pelaksanaan penuh bahan tampalan alternatif kepada bahan tampalan amalgam pergigian dan menilai keberkesanan kos yang berkaitan di beberapa negeri terpilih pada tahun 2025. Laporan akhir akan dikemukakan apabila kajian selesai dijalankan.

8. Oleh itu, mengambil kira komitmen Kerajaan Malaysia dan Profesion Pergigian untuk mengurangkan penggunaan amalgam pergigian di Malaysia, KKM menggalakkan penggunaan dan kajian berterusan serta pembangunan bahan alternatif kepada amalgam pergigian ini. KKM sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan kesihatan adalah selamat, berkualiti tinggi, saksama, tidak membebankan, wajar mengikut teknologi, inovatif dan mengutamakan keperluan pesakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing dalam negara mengikut sektor dan apakah pendirian Kementerian untuk menghehadkan penglibatan tenaga kerja asing dalam beberapa sektor sahaja bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing di samping mengoptimumkan tenaga kerja tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pekerja asing berkemahiran rendah merangkumi jumlah yang agak signifikan dalam guna tenaga dalam sektor-sektor intensif buruh di Malaysia. Mereka ini bekerja dalam enam (6) sektor formal dan satu (1) sektor informal (pembantu rumah asing) di negara ini. Sehingga **30 September 2024**, berdasarkan statistik Jabatan Imegresen Malaysia (JIM) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) terdapat seramai **2,470,781** orang pekerja asing aktif yang bekerja di Malaysia **mengikut sektor** adalah seperti berikut:

- i. **Perkilangan (771,327);**
- ii. **Pembinaan (698,407);**
- iii. **Perkhidmatan (448,572);**
- iv. **Perladangan (266,600);**
- v. **Pertanian (183,086);**
- vi. **Pembantu rumah asing (102,037); dan**
- vii. **Perlombongan & Pengkuarian (752).**

KESUMA adalah komited untuk menghehadkan penglibatan tenaga kerja asing kemahiran rendah dalam semua sektor ekonomi negara. Pendirian KESUMA ini adalah seiring dengan dasar Kerajaan di bawah **Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12)** yang telah menetapkan supaya siling jumlah pekerja asing **tidak melebihi 15 peratus** daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja negara.

Bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing dan mengoptimumkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam guna tenaga negara, Kerajaan telah dan akan melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:

- i. **Mengekalkan keputusan** pada **18 Mac 2023** berhubung **pembekuan kelulusan kuota pekerja asing baharu**. Keputusan adalah bagi mendokong dasar menetapkan penggajian pekerja asing tidak boleh melebihi 15 peratus daripada guna tenaga negara menjelang 2025 seperti yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Pembekuan kelulusan kuota baharu

pekerja asing juga adalah sejajar dengan prinsip untuk memberi keutamaan kepada penggajian pekerja tempatan dalam pasaran buruh sebelum kekosongan ditawarkan kepada pekerja asing.

- ii. Melaksanakan **Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat (*Multi-Tier Levy Mechanism – MTLM*)** bagi sektor semua kecuali sektor perladangan dan pertanian pada **1 Januari 2025** bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing kurang mahir;
- iii. semua **Agensi Kawal Selia (AKS)** menetapkan dan menentukan **keperluan sebenar pekerja asing dalam sektor dan sub-sektor** yang berkaitan. Keperluan dalam kesemua sektor pekerjaan yang diterajui oleh AKS berkaitan seperti **Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kerja Raya** melalui **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia** yang menguruskan urusan dan pembangunan sektor/sub-sektor industri berkaitan.
- v. **Mengarusperdanakan** program-program ***Technical and Vocasional Education and Training (TVET)*** bagi meningkatkan penyertaan warga tempatan yang melahirkan individu berkemahiran tinggi selaras dengan hasrat negara untuk beralih daripada industri berintensif buruh kepada *high-end industry*;
- vi. **Meningkatkan pembiayaan latihan** di bawah **Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)** melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja; dan
- vii. **Mengkaji dan menilai semula kadar gaji minimum** sedia ada supaya supaya **selari dengan kos sara hidup semasa** bagi membolehkan **penyertaan lebih ramai pekerja tempatan** yang

**NO SOALAN : 28**

sebelum ini kurang berminat bekerja dalam dengan **pekerjaan bergaji rendah (*low wage jobs*)** yang banyak diisi oleh pekerja asing kurang berkemahiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi terkini mengenai pengambilan warga asing untuk bekerja di Malaysia. Nyatakan secara terperinci proses menggaji pekerja-pekerja asing yang sudah dalam Malaysia dan yang masih di luar negara bagi sektor perladangan, pertanian dan perkilangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat masa ini, Kerajaan masih mengekalkan keputusan untuk membekukan permohonan kuota penggajian pekerja asing dan melanjutkan pembekuan tersebut kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Pembekuan ini telah dilaksanakan kerana **unjuran jumlah pekerja asing dalam negara menjelang Disember 2024 akan melebihi siling 15%** daripada **keseluruhan tenaga kerja negara** yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di bawah **Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12)**.

Walaupun begitu, Kerajaan prihatin akan kesenjangan dalam pasaran buruh, terutamanya dalam sektor-sektor kritikal seperti perladangan dan pertanian yang tidak dapat beralih secara optimum kepada mekanisasi dan automasi. Isu kekurangan buruh dapat menghalang pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan produktiviti dan daya saing industri.

Pekerja asing dibenarkan bekerja di sektor penggajian yang dibenarkan termasuklah perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan, pertanian, kawalan keselamatan serta perlombongan dan pengkuarian di bawah kelulusan kuota yang ditetapkan. Secara amnya, proses penggajian bagi kesemua sektor formal adalah sama. Penggajian pekerja asing di Malaysia hanya dibenarkan bagi **warganegara asing yang berada di negara sumber masing-masing sahaja**. Proses penggajian bagi kesemua sektor formal adalah seperti berikut:

- (a) pengiklanan MyFutureJobs oleh majikan sebagai syarat permohonan penggajian pekerja asing;
- (b) majikan mendapatkan kebenaran penggajian pekerja asing daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di bawah ketetapan Seksyen 60K Akta Kerja 1955;
- (c) permohonan kuota kepada pihak Pusat Sehati (*One Stop Centre* – OSC) Pekerja Asing;

**NO SOALAN : 29**

- (d) majikan melaksanakan proses mencari calon pekerja asing di negara sumber bagi tujuan penggajian;
- (e) pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan terpilih di negara-negara sumber dan latihan;
- (f) proses seterusnya melibatkan prosedur keimigresenan iaitu:
  - (i) permohonan dan pengeluaran Visa Dengan Rujukan (VDR) oleh majikan;
  - (ii) permohonan dan pengeluaran visa Malaysia oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara;
  - (iii) semakan di pintu masuk antarabangsa (PMA) bagi tujuan kemasukan ke Malaysia;
  - (iv) pengeluaran Pas Khas di bawah Peraturan 14 Peraturan-peraturan Imigresen 1963; dan
  - (v) pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) kepada pekerja asing yang lulus pemeriksaan kesihatan FOMEMA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN  
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan insentif Kerajaan meningkatkan potensi ekonomi negeri-negeri yang mengekalkan tanah pertanian sebagai sumber pendapatan utama dan apakah usaha kerajaan menambah infrastruktur pertanian berasaskan teknologi bagi meningkatkan produktiviti pertanian negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (PTDSMN) 2021-2025 sentiasa komited untuk memperkukuh sektor pertanian dalam memastikan bekalan makanan negara terjamin. KPKM amat menghargai usaha dan kerjasama kerajaan negeri dalam mengekalkan tanah pertanian sebagai sumber pendapatan utama dalam memenuhi agenda keterjaminan makanan negara.

Sebagai contoh, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah dibangunkan bermula Rancangan Malaysia Kelapan. Sehingga kini, terdapat 74 TKPM dengan keluasan 10,602.80 hektar yang mana 65 TKPM merupakan tanah kerajaan negeri. Melalui kerjasama ini, kerajaan negeri menyediakan tanah dan diwartakan sebagai projek TKPM manakala Kerajaan Persekutuan menyediakan infrastruktur asas dan memantau pengurusan TKPM. Kerajaan negeri akan memperolehi hasil kutipan sewaan bagi lot-lot TKPM tersebut.

Selain itu, **Belanjawan Tahun 2024 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi pelaksanaan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan: Mengoptimumkan Penggunaan Tanah dengan Kerjasama Kerajaan Negeri** bagi meningkatkan hasil produk agromakanan negara. Usaha ini diteruskan melalui **Belanjawan MADANI Tahun 2025, dengan peruntukan dinaikkan kepada RM300 juta.**

KPKM melalui jabatan dan agensinya juga sentiasa menggalakkan golongan sasar menerima pakai teknologi antaranya dengan:

- (i) **melaksanakan 10 projek pertanian moden bagi subsektor tanaman** dengan peruntukan sebanyak RM183 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas seperti fertigasi, hidroponik,

aeroponik, *vertical farming*, data geospatial, pengairan pintar dan internet benda (IoT);

- (ii) **meningkatkan penggunaan teknologi dalam industri akuakultur** seperti Superintensif Udang, *Recirculating Aquaculture System* dan Penghasilan Makanan Hidup Higenik;
- (iii) **menyediakan latihan pertanian di pusat bertauliah yang dilengkapi teknologi pertanian pintar** bagi tanaman di Institut Pertanian Bumbong Lima, Pulau Pinang; teknologi akuakultur pintar di Kolej Pertanian Malaysia, Kedah; dan teknologi ternakan ayam secara tertutup di Institut Teknologi Unggas, Melaka; dan
- (iv) **menangani dan mengurangkan kehilangan lepas tuai (*post harvest losses*)** melalui pembangunan teknologi yang dapat memanjangkan tempoh hayat simpanan dan mengekalkan kualiti buah-buahan dan sayur-sayuran di sepanjang rantai nilai.

KPKM yakin melalui kerjasama kerajaan negeri dan penggunaan teknologi terkini dapat meningkatkan produktiviti pertanian negara seterusnya memenuhi agenda keterjaminan makanan negara seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN  
MOHD DELI [JEMPOL]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah data terkini berkaitan kadar obesiti dan kesihatan penjawat awam di seluruh negara dan bagaimana Pelan Strategik Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) boleh melahirkan penjawat awam yang mempunyai status kesihatan baik supaya mereka dapat berkhidmat secara produktif bagi membangunkan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tahun 2024 (setakat 24 September), seramai 29,980 pegawai awam yang berkhidmat di Putrajaya daripada 11 Kementerian telah menyertai aktiviti jerayawara Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS). Dalam penyertaan tersebut, seramai 5,712 (19.1%) pegawai awam telah disaring di bawah inisiatif KOSPEN WOW dan didapati:

- (a) seramai 1,964 (34.4%) penjawat awam di Putrajaya mempunyai berat badan berlebihan dan seramai 1,532 (26.8%) lagi obes. Mereka ini memerlukan bantuan dari segi intervensi pengurusan berat badan;
- (b) seramai 1,152 (20.2%) dikesan mempunyai tekanan darah tinggi, 732 (12.8%) mempunyai kadar gula darah yang tinggi dan seramai 2,036 (35.6%) turut mengalami peningkatan kadar kolesterol dalam darah; dan
- (c) seramai 255 (4.5%) dikesan dan telah dirujuk ke klinik berhenti merokok;
- (d) seramai 3,967 (13.2%) pegawai awam yang telah menjalani saringan Minda Sihat melalui aplikasi MySejahtera. Hasil saringan tersebut mendapati seramai 187 (4.1%) berisiko mengalami kemurungan (*depression*) dan 90 (1.9%) lagi berisiko mengalami kebimbangan (*anxiety*). Semua pegawai yang berisiko ini dirujuk untuk penilaian dan intervensi lanjut.

2. Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan gaya hidup sihat dan persekitaran yang bersih. Antaranya adalah:

- (a) melaksanakan program pengurusan berat badan (*Trim & Fit*) untuk pegawai awam dan pekerja swasta yang mana program ini telah dimulakan semenjak tahun 2012 bagi menangani obesiti dan memupuk kesedaran penjagaan kesihatan sendiri. Pada

tahun 2023, seramai 69,684 individu yang memiliki berat badan berlebihan dan obes telah diberi intervensi runding cara pemakanan oleh Pegawai Sains Pemakanan bagi tujuan pengurusan berat badan di 1,121 klinik kesihatan seluruh negara;

- (b) bagi program *Trim & Fit* di Putrajaya, Kementerian Kesihatan telah melaksanakannya secara kolaboratif dengan rakan strategik di Putrajaya seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Ibu Pejabat Polis Putrajaya dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan
- (c) bagi Putrajaya dan sekitarnya, sebanyak 84 aktiviti promosi pemakanan sihat dan pencegahan obesiti seperti ceramah dan pameran, melibatkan penyertaan lebih 6,010 orang awam termasuk penjawat awam; dan
- (d) melaksanakan program "Langkah Sihat Putrajaya" selama 15 hari bermula 20 Ogos hingga 3 September 2024 yang mana telah berjaya melibatkan penyertaan seramai 12,918 penjawat awam terdiri daripada 624 pasukan dari 26 buah kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri.

3. Kementerian Kesihatan juga menggerakkan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang diperkenalkan bagi mereformasikan sistem kesihatan negara untuk beralih daripada fokus perawatan kesihatan (*sick care*) kepada penjagaan dan kesejahteraan kesihatan (*health care and wellness*) serta memupuk minda rakyat untuk terus membudayakan gaya hidup sihat.

4. Pelan Strategik Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) Tahun 2024 - 2030 adalah pendekatan strategik di bawah ANMS menggunakan pendekatan *whole of nation*, melibatkan penyertaan aktif pegawai awam dan komitmen rakan-rakan strategik ANMS seperti kementerian, jabatan dan agensi di Putrajaya. PSS dilaksanakan dengan meluas dan dipromosikan kepada pegawai awam melalui pelbagai platform seperti kempen kesedaran menerusi media konvensional, media sosial dan media digital serta pelaksanaan menerusi *focal point* di setiap kementerian, jabatan dan

agensi dan melalui aktiviti jerayawara (*roadshow*).

5. Antara fokus keberhasilan bagi pembudayaan gaya hidup sihat dan amalan persekitaran bersih dalam kalangan pegawai awam adalah:

- (a) mempunyai tahap literasi kesihatan lebih kukuh;
- (b) mengamal gaya hidup aktif serta amalan pemakanan sihat dan selamat;
- (d) melibatkan diri dalam aktiviti saringan kesihatan dari semasa ke semasa; dan
- (e) memupuk persekitaran bersih dan lestari;

6. Sasaran kejayaan/keberhasilan pelaksanaan PSS ini dinilai menerusi beberapa kajian dan tinjauan seperti berikut:

- (a) Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia 2028;
- (b) Indeks Cara Hidup Sihat Malaysia 2028;
- (c) Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2028; dan
- (d) Kajian Pasca Keberkesanan PSS 2030.

7. Inisiatif ini dijangka dapat melahirkan dan mengekalkan lebih ramai pegawai awam yang sihat dan lebih produktif. Selain itu, PSS juga mampu memastikan wujudnya amalan menjaga persekitaran agar sentiasa bersih dan lestari. Gaya hidup sihat yang diamalkan secara berterusan dengan penuh komitmen dapat membantu pegawai awam untuk memiliki masa penuaan yang lebih sihat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[MERBOK]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah yang diambil bagi meningkatkan kadar capaian internet di kawasan luar bandar khususnya di Parlimen Merbok memandangkan banyak urusan seharian memerlukan kadar capaian internet yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menetapkan sasaran untuk menyediakan liputan 100% liputan internet di kawasan berpenduduk menjelang tahun 2025. MCMC juga akan menyediakan infrastruktur serta perkhidmatan komunikasi asas melalui Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat [*Universal Service Provision Fund (USP Fund)*] bagi kawasan luar bandar serta pedalaman.

Setakat 30 September 2024, liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di Parlimen Merbok telah mencapai 99.97%. Kesemua 18 menara baharu telah siap dibina, 305 buah stesen pemancar siap dinaik taraf dan 31,122 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik.

Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence (PoP)* hab gentian optik. Sehingga 30 November 2024, kesemua 57 PoP di bawah Fasa 1 telah berjaya disiapkan manakala 83 daripada 313 PoP Fasa 2 telah disiapkan di negeri Kedah, menjadikan 16,630 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik. Bagi Parlimen Merbok, enam PoP daripada 13 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan, menjadikan 744 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Merbok. Baki PoP Fasa 2 dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025.

Dalam usaha untuk meningkatkan capaian dan liputan internet, para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA  
[PUTATAN]**

**TARIKH** : **4 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil untuk membantu pesakit buah pinggang di kawasan pedalaman di Sabah. Adakah pengangkutan disediakan atau adakah pusat dialisis akan dibina di kawasan pedalaman untuk meringankan beban pesakit buah pinggang ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memperluaskan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit di kawasan pedalaman menerusi pewujudan unit hemodialisis di klinik-klinik kesihatan. Setakat ini, terdapat 2 klinik kesihatan di Wilayah Sabah yang menyediakan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit di pedalaman iaitu:

- (a) Klinik Kesihatan Nabawan, Keningau, Sabah; dan
- (b) Klinik Kesihatan Tungku, Lahad Datu, Sabah.

2. Kementerian Kesihatan juga telah memperluaskan perkhidmatan rawatan *Peritoneal Dialysis* menerusi Polisi *Peritoneal Dialysis First* di mana pesakit yang memerlukan rawatan dialisis kali pertama akan diberikan rawatan menerusi kaedah ini. Kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* boleh dilakukan oleh pesakit sendiri di kediaman mereka dan kaedah ini dapat mengurangkan kos kepada pesakit dari segi kos perjalanan dan tempoh masa perjalanan pesakit ke pusat hemodialisis 3 kali seminggu. Langkah ini juga memudahkan pesakit di kawasan pedalaman kerana tidak lagi perlu berulang-alik ke fasiliti kesihatan untuk mendapat rawatan.

3. Peruntukan bagi *Peritoneal Dialysis* yang telah disalurkan ke Wilayah Sabah pada tahun 2023 adalah berjumlah RM10.4 juta bagi tujuan merawat seramai 566 pesakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana kedudukan '*ranking*' aset dan keupayaan ATM terutama TLDM & TUDM berbanding lima negara ASEAN lain (Indonesia, Singapura, Thailand, Vietnam dan Filipina) dan apakah perancangan segera Kerajaan dalam menaik taraf aset ATM agar lebih siap siaga di Laut China Selatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara asasnya, Kementerian Pertahanan tidak menjadikan negara-negara ASEAN lain sebagai kriteria utama dalam memoden atau mengemaskini keupayaan dan kesiagaan pertahanan negara kita. Ini kerana, cabaran dan keperluan setiap negara adalah unik dan berbeza-beza.

2. Atas dasar itu, kedudukan dan keupayaan aset kita adalah berpandukan kepada (a) bentuk dan tahap ancaman kedaulatan semasa dan (b) keperluan serta saranan oleh pengguna akhir iaitu ATM sendiri dalam memperkasakan benteng pertahanan negara.

3. Dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP), pihak ATM telah menetapkan perancangan jangka panjang bagi pembangunan keupayaan pertahanan merangkumi pemodenan aset persenjataan memandangkan setiap perolehan mengambil tempoh masa yang lama kerana aset dan kelengkapan ini perlu dihasilkan mengikut keperluan operasi dan spesifikasi teknikal yang ditetapkan oleh setiap perkhidmatan.

4. Dalam hal ini, pihak ATM melaksanakan pelan penambahbaikan dan modenisasi pertahanan secara menyeluruh berpandukan kepada Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat ATM atau dikenali sebagai *Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces (4D MAF)* yang bertujuan menentukan keberadaan ATM sentiasa digeruni dan dihormati.

5. Perkara ini termasuklah perancangan perolehan aset dan peralatan ketenteraan yang bersesuaian bagi mengekang ancaman di Laut China Selatan melibatkan beberapa langkah strategik, termasuk:

- a. Meningkatkan keupayaan Tempur Maritim, dan keupayaan Daya Tahan Operasi Maritim (Domain Maritim); dan
- b. Meningkatkan keupayaan Pertahanan Udara dan Serangan Udara (Domain Udara).

6. Dalam aspek kesiagaan maritim, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mempunyai keupayaan kapal selam kelas Scorpène, frigat kelas Lekiu, dan korvet. Pihak TLDM telah membangunkan pelan pembangunan keupayaan domain laut bagi memperkasakan keupayaan pertahanan dan kapasiti ATM dalam mencegah sebarang bentuk ancaman di kawasan perairan negara selaras dengan KPP melalui Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 (Platform). Bagi memenuhi keperluan pengangkutan laut strategik dan operasi amfibi, TLDM telah melaksanakan perolehan kapal *Multi Role Support Ship* (MRSS) di bawah RMKe-13.

7. Dalam aspek kesiagaan udara pula, pada masa ini, TUDM mempunyai beberapa pesawat tempur yang berkeupayaan tinggi seperti Sukhoi Su-30MKM dan F/A-18D Hornet yang mampu melaksanakan penerbangan pintasan terhadap pesawat asing yang menceroboh ke ruang udara atau perairan Malaysia. TUDM kini sedang dalam fasa perolehan pesawat *Maritime Patrol Aircraft* (MPA) dan *Medium Altitude Long Endurance – Unmanned Aerial System* (MALE-UAS) yang dijangka akan diterima pada tahun 2025-2026.

8. Pada masa yang sama, TUDM juga dijangka akan memperolehi 18 unit pesawat *Fighter Lead In Trainer - Light Combat Aircraft* (FLIT-LCA) yang baharu pada penghujung tahun 2026. TUDM juga sedang dalam proses mendapatkan perolehan pesawat FA18 Legacy Hornet milik Kuwait Air Force (KAF). Bagi meningkatkan keupayaan mengesan sebarang ancaman udara dan maritim pada jarak yang lebih jauh, TUDM juga telah merancang perolehan radar jarak jauh (LRR) berdasarkan Pelan Keupayaan 2055 (CAP 55). TUDM juga sedang di dalam usaha bagi memperolehi teknologi pertahanan yang lebih canggih, termasuk sistem radar yang bersepadu dan sistem peluru berpandu pertahanan udara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
[KUALA LANGAT]**

**TARIKH** : **4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Kertas Putih Kesihatan dalam mereformasikan perkhidmatan kesihatan negara dan berapa peruntukan yang telah dibelanjakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan agenda reformasi yang digariskan dalam Kertas Putih Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Pejabat Transformasi Kesihatan (*Health Transformation Office*, HTO) bagi merancang dan memangkin usaha reformasi secara menyeluruh.

2. Pejabat Transformasi Kesihatan kini sedang melaksanakan pendekatan reformasi secara berperingkat dan menyeluruh. Tumpuan diberi kepada inisiatif jangka masa pendek atau *quick wins* yang dapat meningkatkan lagi akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan dengan segera.

3. Melalui Pejabat Transformasi Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah menggariskan beberapa strategi utama, antaranya:

(a) **Penjagaan Kesihatan Berasaskan Nilai**

KKM memberi fokus kepada pencapaian tahap kesihatan, bukan sekadar perbelanjaan input. Melalui perkhidmatan penyumberluaran yang sedang dilaksanakan, Kementerian Kesihatan menggunakan pendekatan pembeli strategik untuk mendorong penyertaan sektor swasta dengan kos yang lebih rendah sambil mengekalkan kualiti rawatan.

(b) **Peningkatan Akses dan Kualiti Perkhidmatan**

Melalui inisiatif seperti Program Rakan KKM dan pengukuhan penjagaan kesihatan primer, Kementerian Kesihatan berusaha untuk meningkatkan lagi akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti, terutama bagi golongan yang kurang berkemampuan.

(c) **Promosi Gaya Hidup Sihat**

Mengambil langkah proaktif dengan memberi tumpuan kepada faktor penentu sosial kesihatan (dengan izin, *Social Determinants of Health* - SDH) bagi menangani punca utama penyakit tidak berjangkit, seperti kencing manis dan darah tinggi. Usaha ini termasuk Perang Terhadap Gula, cukai ke atas minuman bergula (SSB), sistem label panduan nutrisi depan (*Nutrigrade*) untuk memberikan maklumat tentang kandungan gula dan garam dalam produk makanan dan minuman, penguatkuasaan undang-undang berkaitan tembakau serta usaha meningkatkan kecelikan kesihatan dalam kalangan rakyat.

(d) **Penguatan Sistem Pembiayaan**

Dalam usaha memastikan pembiayaan kesihatan yang mampan, Kementerian Kesihatan sedang merancang penubuhan Dana Kesihatan Nasional (*National Health Fund*) yang akan menggabungkan sumber kewangan daripada cukai bukan cukai, dan juga dana yang dikhaskan (dengan izin "earmarked") daripada kegiatan-kegiatan penguatkuasaan Kementerian Kesihatan seperti cukai SSB dan lain-lain. Dana ini akan diurus secara telus dan berintegriti untuk memperkukuh sistem kesihatan negara.

4. Bagi tahun 2024, KKM telah menerima RM41.22 bilion, iaitu 10.47% daripada keseluruhan Belanjawan Kerajaan Persekutuan. Ini merangkumi RM35.15 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM6.07 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Sebanyak RM5.66 bilion (16.09%) diperuntukkan bagi Program Kesihatan Awam, selaras dengan fokus Kertas Putih Kesihatan untuk beralih daripada *sick care* kepada *health care*.

5. Dari jumlah tersebut, RM2.1 juta telah diperuntukkan khusus untuk tujuan transformasi sistem kesihatan berdasarkan Kertas Putih Kesihatan. Sehingga 4 Oktober 2024, sebanyak RM1.6 juta telah

**NO SOALAN : 35**

diluluskan untuk dibelanjakan bagi pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Kertas Putih Kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU  
ISMAIL [KUBANG PASU]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah Kerajaan bagi memajukan ekonomi negeri-negeri kurang maju seperti negeri-negeri SG4 supaya mereka juga dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada negara seperti Selangor (RM406 bilion), Kuala Lumpur (RM249.3 bilion), Johor (RM148.2 bilion), Sarawak dan Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seiring dengan konsep MADANI yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan sentiasa berusaha ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri, **termasuk negeri-negeri SG4**. Komitmen Kerajaan telah dizahirkan di dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 yang bermatlamatkan "Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi."

2. Kerajaan juga memberi jaminan akan terus membangunkan dan menambah baik penyediaan infrastruktur asas yang menyeluruh termasuk Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu bagi mencapai keseimbangan wilayah melalui penyediaan Peruntukan Pembangunan (DE) yang adil dan saksama.

3. Di bawah *Rolling Plan 5* Tahun 2025, negeri-negeri tersebut telah diluluskan peruntukan pembangunan asas sebanyak RM7.92 bilion bagi melaksanakan projek pembangunan di bawah pelbagai Kementerian. Beberapa projek pembangunan utama yang sedang dilaksanakan di negeri-negeri tersebut adalah seperti:

- I. Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan (Pakej 2C & 3A: Kok Lanas Ke Bukit Tiu);
- II. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit, Kedah;
- III. NCER - Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping, Perlis; dan
- IV. Membina Jalan Baharu Kuala Terengganu *Bypass* (FT003).

4. Selain itu, selaras dengan strategi yang digariskan di bawah RMKe-12, usaha untuk menarik pelaburan berkualiti melalui pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dengan pendekatan teknologi, automasi dan inovasi akan terus dipergiat.

5. Terdapat beberapa program untuk menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi yang dilaksanakan di bawah Pihak Berkuasa Koridor dalam tempoh RMKe-12. Antara program tersebut termasuk:

- I. Inisiatif NCER-*Technology Innovation Centre* (NTIC) melibatkan program *Centre of Excellence* (CoE) dan *Technology & Innovation* (T&I) di bawah seliaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Program ini diperkenal bagi menggalakkan aktiviti automasi, inovasi dan pendigitalan di kalangan syarikat tempatan agar lebih berdaya saing
- II. Program-program pembangunan modal insan di bawah seliaan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) seperti *empower* ECER dan *entrepreneur* ECER yang menerapkan transformasi ekonomi digital di kalangan usahawan melalui latihan pemasaran digital dan pengetahuan.

6. Pada tahun 2025, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan pembangunan kepada Pihak Berkuasa Koridor seperti berikut:

- I. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER): RM226.65 juta
- II. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA): RM238.45 juta
- III. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA): RM121.57 juta
- IV. Sabah *Economic Development and Investment Authority* (SEDIA): RM52.82 juta
- V. *Regional Corridor Development Authority* (RECODA) : RM240 juta

7. Kerajaan yakin bahawa segala perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan tersebut akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri-negeri tersebut yang seterusnya akan memberikan pelbagai manfaat untuk kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN  
ABDULLAH [ROMPIN]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian sedar kewujudan sindiket sewaan lesen tangkapan ikan kepada nelayan dari negara Vietnam di perairan Laut China Selatan yang berisiko menyebabkan kerosakan ekosistem dasar laut dan pembiakan ikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan amat memandang serius terhadap aktiviti pencerobohan oleh nelayan asing di perairan negara termasuk dengan menyewakan lesen vesel kepada warga asing yang boleh menyebabkan kerosakan ekosistem dasar laut dan pembiakan ikan. Sehingga kini, Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengeluarkan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan hanya kepada individu warganegara Malaysia atau syarikat tempatan Malaysia sahaja. DOF tidak pernah mengeluarkan lesen kepada warga asing, apatah lagi untuk disewa atau dipajak.

Dari tahun 2020 hingga 2023, jumlah pencerobohan oleh nelayan asing di perairan negara yang direkodkan oleh DOF, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) adalah sebanyak 428 kes. Nilai kerugian daripada kes-kes pencerobohan nelayan asing di perairan negara dianggarkan berjumlah RM823.88 juta.

Daripada data tersebut, jumlah tangkapan yang dibuat oleh KPKM melalui DOF bagi tempoh 2020 hingga 2023 adalah sebanyak 19 kes, yang mana 18 daripadanya merupakan kes tangkapan melibatkan vesel negara Vietnam melibatkan anggaran kerugian berjumlah RM34.6 juta.

Bagi mengekang kes-kes ini, KPKM melalui DOF giat mengambil pelbagai langkah-langkah reformasi melalui pengukuhan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bersama-sama agensi penguatkuasa seperti APMM dan PPM menerusi 'Ops Naga'. Bagi memantapkan tindakan rondaan dan penguatkuasaan, aset-aset untuk tujuan pemantauan, pengawasan dan pengawalan diperkasakan melibatkan peruntukan sebanyak RM18.2 juta pada tahun 2023 dan sebanyak RM26.8 juta pada tahun 2024.

## **NO SOALAN : 37**

Tindakan undang-undang diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang melanggar Akta Perikanan 1985 [Akta 317] bagi vesel penangkapan ikan asing yang menceroboh perairan perikanan Malaysia melibatkan denda maksimum RM6 juta bagi nakhoda dan RM600,000 bagi setiap anggota kru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[SIK]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Ulul Albab Daerah Sik yang telah tertangguh sekian lama tanpa sebarang kemajuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam sidang yang lalu, Kementerian sedang membuat penilaian serta mengkaji semula pelaksanaan projek-projek pembangunan mengikut keutamaan memandangkan terdapat peningkatan kos pembinaan yang ketara.

Antaranya termasuklah Projek Pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Sik, Kedah serta beberapa MRSM lain. Bagi MRSM Sik, kos pembinaan asal berdasarkan Makmal Pengurusan Nilai yang dilaksanakan adalah sebanyak RM99.47 juta. Namun terdapat peningkatan kos pembinaan yang ketara berjumlah RM21.56 juta, berdasarkan *Preliminary Detailed Abstract (PDA)* terkini, menjadikan kos keseluruhan pembinaan adalah sebanyak RM121.04 juta.

Sehubungan dengan itu, cadangan pembinaan MRSM Sik ditangguhkan dan akan dibawa semula dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Tumpuan utama buat masa ini adalah perancangan untuk menangani isu-isu kritikal pengoperasian MRSM baharu dari segi perjawatan yang hanya mendapat *Contract of Service*.

Selain itu, Kementerian juga menumpukan kepada isu-isu berkaitan penambahbaikan infrastruktur/kemudahan fasiliti di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) di seluruh negara termasuk MRSM dan keutamaan diberikan kepada institusi yang berusia melebihi 15 tahun ke atas.

Selain itu, penambahbaikan dalam kemudahan pembelajaran dan pengajaran juga menjadi fokus utama yang perlu disediakan di MRSM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK  
[KUALA NERUS]

TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian mekanisme yang akan diperkenal Kementerian bagi memastikan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 [Akta 852] berjaya mencapai objektif utama iaitu untuk mengawal selia produk-produk bernikotin seperti *vape* susulan pengguguran nikotin dari senarai Akta Racun 1952.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan kuatkuasa Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 [Akta 852], mekanisme yang diperkenal oleh Kementerian Kesihatan bagi mengawal selia produk bernikotin, antaranya seperti berikut:

- (a) mewajibkan setiap pengilang dan pengimport produk merokok membuat pendaftaran semua produk merokok sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 3, Akta 852. Perkara ini bertujuan untuk Kementerian Kesihatan memantau kandungan yang digunakan agar selaras dengan Artikel 9 dan Artikel 10, *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control* atau WHO FCTC.
- (b) menetapkan paras kepekatan nikotin dan isipadu cecair atau gel bernikotin sebagaimana Peraturan - Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pembungkusan dan Pelabelan) 2024. Di bawah Peraturan ini, paras kepekatan nikotin ditetapkan tidak melebihi 35 mg/ml selama setahun dan seterusnya pada 20 mg/ml. Bagi isipadu cecair atau gel bernikotin dalam botol pula ditetapkan sebanyak 15 ml, manakala dalam katrij dan pod pakai buang isipadu tidak boleh melebihi 3 ml selama dua (2) tahun dan seterusnya pada 2 ml.

2. Selain daripada itu, Akta 852 juga memperkukuhkan kawalan kepada peruntukan yang sebelum ini dilaksanakan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 iaitu:

- (a) Larangan pengiklanan, promosi dan tajaan produk merokok sebagaimana di bawah Seksyen 7, 8 dan 9 Akta 852;
- (b) Kawalan penjualan produk merokok di bawah Seksyen 10, 11 dan Seksyen 12 serta larangan khusus bagi orang belum dewasa atau OBD yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13 Akta 852;

**NO SOALAN : 39**

- (c) Kawalan pembungkusan dan pelabelan mengikut Seksyen 15 Akta 852; dan
- (d) Larangan merokok di kawasan atau tempat larangan merokok di bawah Seksyen 16 dan 17 Akta 852.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN  
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan adakah terdapat mekanisasi AI dan IOT pada bahagian biosekuriti pertanian negara bagi mendepani kemerosotan hampir 40% pengeluaran makanan tahunan akibat serangga dan penyakit seperti dilaporkan oleh FOA pada tahun 2022.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mendepani isu kemerosotan hampir 40% pengeluaran makanan tahunan akibat serangan serangga dan penyakit seperti dilaporkan oleh *Food and Agriculture Organization* (FAO) pada tahun 2022, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mempergiatkan inisiatif pemodenan dan pertanian pintar termasuk penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan Internet benda (IoT) dalam aktiviti pertanian, selaras dengan Teras 1: Mendukung Pemodenan dan Pertanian Pintar yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Bagi sektor tanaman, KPKM melalui Jabatan Pertanian (DOA) sedang membangunkan Sistem Amaran Awal Perosak bagi mengesan serangan perosak lebih awal bagi membolehkan tindakan intervensi dibuat sebelum serangan perosak melebihi tahap ambang ekonomi (ETL) yang boleh menjejaskan pengeluaran. Serangan perosak dan penyakit turut dapat diatasi dengan lebih cekap melalui analisis data raya serangan perosak, termasuk mengenal pasti simptom serangan menggunakan AI dan mengesan kehadiran perosak berpandukan IoT.

Seterusnya, bagi sektor perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membangunkan sistem saringan awal penyakit udang (*SHOS-Spotter*) berteraskan teknologi AI untuk mengesan kesihatan udang dalam masa sejam hingga 3 jam. DOF juga bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) untuk pembangunan sistem amaran awal ledakan alga berbahaya menggunakan teknologi IoT dan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk pengesanan penyakit bintik putih pada ikan marin menggunakan teknologi AI. Manakala kerjasama DOF dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) melibatkan pembangunan sistem aplikasi teknologi *remote sensing* pengurusan biosekuriti ikan.

Untuk mengesan penyakit haiwan ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menggunakan teknologi *Polymerase Chain Reaction* (PCR) dan *Next Generation Sequencing* (NGS). Penggunaan PCR dan NGS yang melibatkan data raya dan AI memberi maklumat tentang

genetik, faktor virulen dan pola sejarah haiwan ternakan. Teknologi ini mengesan patogen dengan lebih cepat dan menjalankan penilaian risiko yang komprehensif untuk kawalan penyakit.

Dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah memperkenalkan sistem amaran awal bagi serangan perosak benah perang berasaskan teknologi AI dan IoT dalam penanaman padi. Sistem ini berupaya memberikan maklumat risiko serangan perosak kepada para petani lebih awal supaya langkah pencegahan boleh diambil. Di samping itu, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah membangunkan sistem GIS SMP berteraskan teknologi IoT bagi merekod data serangan bena perang dan *hopperburn* secara masa nyata.

KPKM akan terus mempergiatkan penggunaan teknologi AI dan IoT sebagai salah satu inisiatif pemodenan dalam mendepani pelbagai cabaran termasuk ancaman serangga dan penyakit bagi meningkatkan produktiviti sektor agromakanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hasil bengkel cadangan penambahbaikan pengiktirafan bekas tentera sebagai veteran ATM oleh JHEV pada 22 hingga 24 Februari 2024. Berapa banyak permohonan telah diterima dan berapa ramai yang telah diberi status veteran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan telah melaksanakan Bengkel Pengiktirafan Bekas Tentera ATM pada 22 hingga 25 Februari 2024 yang lepas bagi mempertimbangkan semua permohonan yang diterima. Setakat ini, jumlah permohonan yang telah diterima adalah sebanyak 303 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 permohonan telah diluluskan atas faktor kebajikan.
2. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi diteliti dan diperhalusi dari segi perundangan oleh Ahli Panel yang terlibat sebelum diperakukan untuk kelulusan Majlis Veteran Kebangsaan (MVK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM  
[ARAU]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta MENTERI EKONOMI menyatakan :**

- (a) perancangan Kerajaan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi di negeri Perlis; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk membina bandar baharu di Kuala Sanglang untuk mencetuskan ekonomi pantai atau mewujudkan pembangunan wilayah di Perlis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited dalam meningkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan rakyat. Dengan itu, Kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha menangani jurang kekayaan dan pendapatan bagi negeri dan wilayah. Antara strategi utama yang dikenal pasti adalah:

- I. menarik pelaburan berkualiti;
- II. menambah baik ekosistem perniagaan;
- III. mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan; dan
- IV. mempelbagai dan merancakkan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar.

2. Selain itu, Kerajaan juga komited untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya **50% peruntukan pembangunan** asas sepanjang tempoh RMKe-12 untuk enam (6) negeri kurang membangun iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

3. Di bawah **RMKe-12 (2021-2025)** Kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah **RM2.87 bilion bagi negeri Perlis**. Antara projek yang diluluskan seperti berikut:

- I. Projek Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping;
- II. Projek Pembangunan NCER Agribio Economic Zone (NAEZ) Di Chuping;
- III. Projek Menaik Taraf Jalan Persiaran Wawasan (FT262), Kangar, Perlis; dan
- IV. Projek Membina Jalan Dan Jambatan Menghubungkan Jalan Pesisir Pantai (R152) Ke Kuala Sanglang, Perlis.

4. Dalam aspek pelaburan, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah berjaya menarik **pelaburan direalisasikan sebanyak RM96.1 bilion** bagi tempoh 2021-2023. Selain itu, usaha Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi mempergiat promosi pelaburan asing dan domestik akan membawa kesan limpahan kepada ekonomi setempat.

5. Kerajaan telah **merangka beberapa strategi** untuk meningkatkan sosioekonomi di Perlis **melalui institusi** seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), FELDA dan FELCRA. Antaranya adalah menyediakan bantuan kepada isi rumah yang miskin bagi meningkatkan akses kepada keperluan asas dan menggalakkan isi rumah B40 mempelbagaikan sumber pendapatan melalui penyediaan latihan yang bersesuaian. Selain itu, terdapat Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) Kangar, Perlis di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peserta, meningkatkan taraf hidup masyarakat dan mewujudkan peluang pekerjaan di kampung yang terlibat.

6. Berhubung cadangan pembinaan bandar baharu di Kuala Sanglang, perkara ini akan diperhalusi dan diteliti bersama Kerajaan Negeri Perlis berdasarkan kepada perancangan negeri di kawasan tersebut. Kerajaan pada dasarnya tidak bercadang mewujudkan agensi pembangunan wilayah di Perlis, walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa komited untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan ekonomi di negeri Perlis dan akan memberi sokongan dari segi pembinaan infrastruktur mengikut keperluan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

7. Kerajaan yakin dengan usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah RMKe-12 ini, semua rakyat Malaysia dapat menikmati pembangunan yang saksama dan inklusif.

Sekian, terima kasih